



PEKELILING MAJIKAN BIL. 15/2002
TARIKH AKHIR PENERIMAAN BORANG TUNTUTAN GERAN LATIHAN YANG
TAMAT DIJALANKAN DALAM TAHUN 2002

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memklumkan majikan mengenai tarikh 28 Disember 2002 sebagai tarikh akhir penerimaan borang tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2002.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Bagi membolehkan pembayaran balik dibuat untuk program-program latihan yang dijalankan pada tahun ini, **majikan adalah diminta untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan lengkap dengan dokumen sokongan sebelum 28 Disember 2002** agar ianya dapat diproses oleh PSMB sebelum 31 Disember 2002 dan bayaran geran latihan dapat dilakukan pada minggu pertama bulan Januari 2003.
- 2.2 Walau bagaimanapun, **bagi latihan yang tidak sempat dituntut** pada tarikh tersebut disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, majikan adalah dibenarkan untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan berkenaan selewat-lewatnya pada **30 Jun 2003**.


3. PRA-SYARAT KELULUSAN

- 3.1 Dalam apa jua keadaan, kelulusan untuk mendapatkan bayaran geran latihan ini masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PSMB seperti berikut:

- (i) majikan **tidak mempunyai bayaran levi yang tertunggak** bagi mana-mana bulan dan segala **faedah** yang dikenakan ke atas levi yang lewat dibayar **telah dijelaskan** kecuali majikan memilih untuk mengoffsetkan kedua-dua tunggakan dan faedah ini daripada geran latihan yang akan diterima;
- (ii) borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah **diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan** yang diperlukan; dan
- (iii) mana-mana **dokumen yang disertakan dalam bentuk salinan hendaklah disahkan mengikut format PSMB** seperti berikut:

Salinan disahkan benar seperti yang asal. Resit/dokumen asal disimpan di pejabat untuk pentadbiran majikan dan disahkan bahawa resit/dokumen asal tidak digunakan untuk tujuan lain dari PSMB atau dari badan kewangan yang lain. Pegawai PSMB berkuasa untuk memeriksa.

Tandatangan: _____

Nama:	_____	
Jawatan:	_____	
		Cap rasmi syarikat

4. PENUTUP

- 4.1 Majikan adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini sepenuhnya bagi mengelakkan tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2002 tidak dapat diluluskan untuk bayaran.
- 4.2 Tuntutan yang diterima selepas 30 Jun 2003 dianggap tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh PSMB dan tidak layak untuk menerima bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

5. PERTANYAAN

- 5.1 PSMB bersedia membantu majikan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi berkaitan dengan tuntutan geran latihan. Pegawai-pegawai yang boleh dirujuk adalah berikut:

(i) Hashim bin Mustafa
(nombor telefon : 03-20984841);

(ii) Noor Hayati binti Awang
(nombor telefon : 03-20984864); dan]

(iii) Siti Haida binti Mohd Aini
(nombor telefon : 03-20984864).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengarah Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

